

Headline	Yakin kotak hitam MH370 ditemui		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	2	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,529
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,588



Yakin kotak hitam MH370 ditemui

SHAH ALAM- Isyarat frekuensi 37.5 kilohertz (kHz) yang dikesan kapal China Haixun dan kapal pertahanan Australia (ADV) di Selatan Lautan Hindi berkemungkinan besar adalah daripada kotak hitam milik pesawat MH370.

Pakar Kejuruteraan Penerbangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Rizal Effendy Mohd Nasir bagaimanapun, berkata, ia boleh jadi milik objek lain memandangkan sistem frekuensi bukan sahaja boleh dikesan daripada kotak hitam.

"Ini adalah benda baru yang kita jumpa, tapi mungkin kedudukan isyarat itu tidak pasti dekat atau jauh.

"Tapi kalau boleh kesan walaupun isyaratnya sangat lemah, sepatutnya kotak hitam boleh ditemui, cuma kita tidak tahu berapa kedalaman dasar laut lokasi isyarat itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Kata beliau, sekiranya benar isyarat itu yang dikeluarkan daripada kotak hitam, bermakna semua pihak perlu bersedia untuk melakukan pencarian di dasar laut.

"Memandangkan ia dicari di Lautan Hindi, kemungkinan pihak berkuasa operasi akan mencari mengguna-

kan Remote Operator Vehicle (ROV) iaitu kapal selam yang mempunyai alat mengesan.

"Tapi kalau menggunakan submarine man juga sesuai memandangkan ia boleh turun di kedalaman 5000 meter bagi mendapatkan kotak hitam," katanya.

Terdahulu, Ketua Pusat Penyelaras Agensi Bersama (JACC), Angus Houston memaklumkan bahawa kapal peronda China, Haixun mengesan dua isyarat ekuastik sekaligus memberikan sedikit harapan semenjak pencarian MH370 di Selatan Lautan Hindi dilancarkan.

Selain kapal China, kapal perang Australia Ocean Sheild dilaporkan turut mengesan isyarat kira-kira 300 batu dari kapal China.

Ekoran itu, Houston berkata kapal HMS Echo sudah pun dikerahkan ke lokasi kapal China, Haixun 01 untuk mengesan sama ada isyarat itu ada kaitan dengan MH370.

Pada Sabtu lalu, agensi berita Xinhua melaporkan kapal peronda China, Haixun mengesan isyarat getar dengan frekuensi 37.5 kHz di kawasan carian pesawat penerbangan MH370 di Selatan Lautan Hindi.

Headline	Yakin kotak hitam MH370 ditemui		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	2	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,529
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,588



Tiger75, S-70B-2 Seahawk, dilancar dari kapal Australia, HMAS Toowoomba, dalam usaha mencari MH370. Foto diedarkan Reuters/Pasukan Pertahanan Australia.